

# Tinta ALUMNI

## CORETANKU BUAT SEMUA

Fatin Syamimi binti Sabri

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,  
Pekan Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

[syamimisabri19@gmail.com](mailto:syamimisabri19@gmail.com)

*Assalamualaikum dan salam  
sejahtera buat semua.*

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada pihak warga kerja penerbitan majalah ini yang telah berhempar pulas untuk merealisasikan penerbitan majalah ini. Sungguh saya tidak menyangka akan dilamar untuk berkongsi sedikit sebanyak pengalaman belajar dan kerjaya saya. Harapan saya semoga coretan ini dapat membakar semangat pelajar untuk terus berjuang menamatkan pelajaran, lebih-lebih lagi dalam era pandemik ini. Saya, Fatin Syamimi Binti Sabri, adalah bekas pelajar Ijazah Sarjana Muda Biologi di UiTM Kuala Pilah (2013-2016). Sejurnya, pada awalnya saya tidak menyangka bahawa saya akan ditempatkan di kampus ini dan bukan di UiTM Shah Alam.

*“Kehidupan di UiTM Kuala Pilah  
bukanlah suatu “student life” yang  
saya impikan seperti mana yang  
digambarkan di dalam drama kerana  
keadaan kampus yang kecil dan  
bilangan pelajar yang tidak ramai,  
terutamanya pelajar Ijazah Sarjana  
Muda yang boleh dikatakan minoriti  
berbanding pelajar Diploma.” -  
Fatin Syamimi*

Walau bagaimanapun, itulah yang menjadikan UiTM Kuala Pilah suatu *alma mater* yang istimewa. Ikatan persahabatan yang terjalin antara kami rakan sekelas sangatlah akrab. Bilangan kami yang tidak ramai menyebabkan kami sentiasa bersama dalam menempuh kehidupan di kampus terpencil ini. Susah dan senang diharungi bersama dari awal pengajian hingga detik menghadiri istiadat konvokesyen.

Terlalu banyak kenangan yang kami cipta sepanjang tiga tahun bersama. Saya amat bersyukur kerana dapat menamatkan pengajian tanpa sebarang masalah dan cabaran besar jika dibandingkan dengan musim pandemik ketika ini. Setiap semester, perkara yang dinantikan sudah semestinya lawatan sambil belajar kerana waktu itulah kami sekelas dapat berjalan bersama. Sepanjang tiga tahun, saya dan rakan sekelas telah melawat beberapa tempat di beberapa negeri.

Antaranya, Cameron Highlands, Zoo Melaka, Hospital Kuala Lumpur, Paya Indah Wetland, Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara. Setiap lawatan disertakan dengan tugas berkumpulan yang perlu dilengkapkan selepas lawatan. Tidak dinafikan, lawatan sambil belajar memainkan peranan yang amat besar untuk membantu saya memahami subjek yang dipelajari. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat para pensyarah yang bertungkus-lumus dari awal hingga akhir dalam menjayakan lawatan sambil belajar untuk kami. Di samping pembelajaran di dalam kelas, saya juga terlibat dengan aktiviti kokurikulum.

Kenangan yang paling diingati ialah semasa menyertai Kelab Aktiviti Lasak selama dua semester di mana saya dan rakan sekelas berpeluang untuk melalui pengalaman menaiki kenderaan pacuan empat roda memasuki hutan belantara dan berkhemah di tepi air terjun. Aktiviti perkhemahan tersebut berlangsung selama tiga hari dua malam. Sepanjang di dalam hutan, kami berpeluang untuk memasak secara manual menggunakan api lilin yang menguji skil memasak masing-masing apatah lagi ketika memasak nasi yang memerlukan skil yang tinggi. Di samping itu, kami membuat unggun api pada waktu malam dan berjaga mengikut shif untuk menjaga keselamatan bersama daripada bahaya haiwan buas. Bagi sesetengah orang yang tidak menggemari aktiviti lasak, perkhemahan ini mungkin suatu yang leceh bagi mereka tapi ianya adalah satu pengalaman yang berharga. Tidak ada sesiapapun akan dapat pengalaman dan skil sebegini dengan percuma dan dilakukan bersama rakan rakan lainnya di UiTM Kuala Pilah.



**Rajah 1: Kiri:** Penulis semasa aktiviti perkhemahan Kelab Aktiviti Lasak di Jeram Janggut dan Kanan: Penulis semasa lawatan farmasi satelit di Hospital Kuala Lumpur (HKL)

Menyentuh tentang kemahiran kepimpinan, saya telah berpeluang untuk menyertai Jawatankuasa Perwakilan Pelajar sepanjang tiga tahun semasa berada di UiTM Kuala Pilah. Ia merupakan suatu pengalaman berharga di mana tidak semua pelajar berpeluang untuk memegang jawatan kepimpinan di UiTM Kuala Pilah. Saya telah terpilih setelah melalui proses temuduga yang agak ketat. Sepanjang memegang jawatan di dalam jawatankuasa ini, secara tidak langsung saya telah mempelajari cara-cara untuk memimpin.

*“Barulah saya tahu bahawa untuk menganjurkan sesuatu program bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan.” - Fatin Syamimi*

Pada cuti semester sebelum memasuki semester akhir, saya telah menjalani latihan industri di Insitut Pembangunan Bioproduk (IBD), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor selama tiga bulan sebagai salah satu syarat untuk melengkapkan program Ijazah Sarjana Muda. Saya telah diletakkan di bawah seliaan En. Aidee Kamal bin Khamis yang merupakan pegawai penyelidik di IBD pada waktu itu. Sepanjang tiga bulan, saya telah terlibat dalam projek penyelidikan yang bertajuk *“Identification of the Effect of Microalgae Fertilizer Towards Spinach Growth”* di mana mikroalga telah digunakan sebagai baja untuk pokok bayam. Beberapa perhatian dan analisis telah dilakukan untuk mengkaji kesan baja mikroalga kepada tumbesaran pokok bayam. Antaranya ialah analisis pH tanah, kelembapan tanah, mengenalpasti jumlah mineral di dalam tanah (*Kjedahl method*); dan mengukur ketinggian, panjang akar dan bilangan daun pokok bayam. Satu program pembentangan poster telah dianjurkan untuk kami membentangkan projek latihan industri masing masing dalam bentuk poster.

Bagi semester akhir, Projek Akhir Tahun (FYP) yang merupakan satu projek terbesar bagi setiap pelajar. Setiap pelajar diberi peluang untuk memilih pensyarah seliaan dan tajuk projek penyelidikan sendiri. Saya telah memilih Pn. Faikah binti Ismail sebagai pensyarah seliaan saya dan mengusulkan projek penyelidikan yang bertajuk *“Identification of Phenolic and Flavonoid Content in Different Parts of Orthosiphon stamineus”* di mana idea tersebut datangnya dari Bengkel Tumbuhan Herba yang telah saya hadiri ketika latihan industri sebelum ini. Projek ini melibatkan proses pengekstrakan pokok misai kucing (*Orthosiphon stamineus*) dan analisis untuk mengenalpasti jumlah fenolik dan flavonoid di dalam setiap bahagian pokok misai kucing iaitu bahagian bunga, daun, akar dan batang.

Projek Akhir Tahun merupakan suatu projek yang agak mencabar di mana setiap pelajar berhadapan dengan pengalaman baru seperti menjalankan analisis di dalam makmal, menganalisis data dan penulisan tesis di samping menghadiri kelas dan menyiapkan tugas khas setiap subjek. Pada akhir semester, saya telah membentangkan hasil kajian melalui *mini colloquium* yang dihadiri oleh beberapa pensyarah yang merupakan penilai. Pengalaman ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk merasakan sendiri gambaran sebagai seorang penyelidik.

Tamat pengajian pada Jun 2016, saya telah melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana pada September 2016 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Minat yang mendalam untuk menceburi bidang Biologi telah mendorong saya untuk meneruskan pengajian dengan membuat pengkhususan dalam bidang Bioteknologi secara mixed mode selama tiga semester. Pada peringkat sarjana ini, saya telah menjalankan kajian yang bertajuk “Evaluation of Microwell Based System on Antibody Production using Chinese Hamster Ovary Cell” di mana saya telah menguji microwell sebagai mikroreaktor bagi pertumbuhan sel ovarii Chinese hamster di bawah seliaan Dr. Helmi bin Sani.

Pemerhatian bagi pertumbuhan sel ovarii Chinese hamster telah dilakukan melalui kiraan sel, pemerhatian pada perubahan morfologi sel, pengenalpastian jumlah glukos di dalam media dan pengesanan antibodi yang dihasilkan oleh sel ovarii Chinese hamster tersebut. Pada semester akhir, saya telah dilantik sebagai pembantu penyelidik di mana saya telah terlibat dalam kajian yang bertajuk “Effects of Parameters on Mammalian Cell Growth and Metabolism of Batch Fermentation” yang berjalan selama beberapa bulan. Tidak dilupakan juga aktiviti kokurikulum di mana saya telah menjadi salah seorang ahli Persatuan Pelajar Pascasiswazah selama dua semester. Kami telah berjaya menganjurkan beberapa aktiviti bagi pelajar pascasiswazah seperti Pertandingan 3 Minit Tesis bagi peringkat fakulti. Di samping itu, saya juga telah menyertai beberapa persidangan anjuran UTM dan telah menulis *book chapter* yang bertajuk “Studies of Phenolic and Flavonoid Content in Orthosiphon stamineus (Misai Kucing)”

Ianya berkisar tentang FYP semasa Ijazah Sarjana Muda di dalam buku *The Discovery of Potential Products From Plants* hasil terbitan UTM Press.





**Rajah 2:** Kiri: Penulis semasa majlis *Mini colloquium* Universiti Teknologi MARA dan Kanan: Penulis bersama Puan Faikah Ismail di UiTM cawangan Negeri Sembilan



**Rajah 3:** Semasa Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-86 (kiri) dan di Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia kali ke-61 (kanan)

Saya telah berjaya menamatkan program Ijazah Sarjana pada April 2018 dan memulakan kerjaya saya yang pertama sebagai Eksekutif Pembangunan Produk dan Pendaftaran di sebuah syarikat pertanian bumiputera dikenali sebagai Amco Niaga Sdn. Bhd. di Seri Kembangan, Selangor. Saya telah terlibat dengan beberapa projek penyelidikan yang melibatkan kajian lapangan ke atas beberapa jenis baja. Posisi saya dalam syarikat ini sedikit sebanyak telah melatih saya untuk berkomunikasi dengan pelbagai pihak secara profesional di samping mengasah bakat penyelidikan saya.

# Tinta ALUMNI



Rajah 5: Penulis bersama En. Vijay Kumar Nandagiri, Pengurus Formulasi & Produk (atas) penulis di Makmal Downstream di Bangunan Penyelidikan & Pembangunan, Biocon Sdn. Bhd.

Antara projek terbesar yang saya terlibat ialah satu projek hasil kerjasama bersama Universiti Putra Malaysia dimana pihak Amco Niaga Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk menjalankan kajian lapangan bagi mengenalpasti keberkesanan produk tersebut. Projek ini telah menerima bantuan kerajaan sebanyak RM700,000 iaitu 70% dari jumlah keseluruhan. Selain itu, saya juga bertanggungjawab dalam menguruskan pendaftaran racun perosak yang dipasarkan oleh Amco Niaga.

Saya telah menerima tawaran sebagai saintis pelatih di sebuah syarikat farmaseutikal, Biocon Sdn. Bhd. di Iskandar Puteri, Johor Bahru untuk kerjaya yang kedua. Saya telah menyertai Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan diletakkan di bawah bahagian formulasi. Saya telah didedahkan dan melalui latihan untuk mengendalikan formulasi beberapa jenis insulin yang merupakan produk yang dipasarkan oleh Biocon.

Di samping itu, saya juga terlibat dengan beberapa kajian yang melibatkan pencarian penyelesaian masalah bagi setiap masalah formulasi yang berlaku di bahagian pengeluaran. Sekian sahaja coretan, impian dan harapan saya yang belum tercapai ialah untuk menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang farmaseutikal dan kanser. Buat para pelajar yang masih berjuang untuk menamatkan pengajian, jangan mudah berputus asa dan gagahkanlah diri ke garisan penamat.

*“Sesungguhnya kejayaan  
itu amat manis dan  
perjalanan untuk menuju  
kejayaan bukanlah sesuatu  
yang mudah!”*

*Fatin Syamimi Binti Sabri  
Alumni Utm Kuala Pilah*

